

Tindakan agresif bukti Pas parti kasar, ganas

116 JUL 2002

ALOR SETAR 15 Julai - Tindakan agresif Pas terhadap petugas UMNO sepanjang kempen pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit menunjukkan ia adalah parti yang kasar dan ganas.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sejak dahulu lagi Pas ketika berkempen lebih gemar menggunakan kekerasan sesuka hati.

Menurut beliau, jika diizinkan berterusan cara Pas itu akan menimbulkan masalah kepada negara.

"Ini cara Pas, kita (Barisan Nasional) tak guna kekerasan, kita lihat semasa di (pilihan raya kecil) Lunas, dia masuk rampas kad pengenalan orang, ini bukan hak dia, itu hak

polis tetapi dia ingat dia boleh buat ikut suka dia, ini masalahnya dengan Pas, cara dia cukup kasar, cukup ganas," katanya selepas Majlis Penycahan Sumbangan Pendidikan dan Kebajikan Bernas 20-02 di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, tindakan parti pembangkang menyebarkan pelbagai risalah yang mencera beliaiu serta pemimpin-pemimpin UMNO yang lain mencerminkan Pas bukanlah parti yang memperjuangkan Islam.

Sambil menyifatkan risalah itu sebagai fitnah, Dr. Mahathir berkata, sekiranya Pas mendakwa ia adalah parti Islam maka tindakan mereka juga mestilah berlandaskan Islam bukan sebaliknya.

"Tak patut dia buat macam ni, ini fitnah,

kenapa dia fitnah sedangkan dia kata dia parti Islam, parti Islam mesti ikut undang-undang Islam dan ajaran Islam sedangkan fitnah ini lebih dahsyat daripada membunuh tetapi dia buat juga," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Perdana Menteri mengucapkan terima kasih kepada anggota keselamatan yang berkerja keras menjaga keamanan sepanjang tempoh pilihan raya kecil kali ini.

Katanya, pihak polis memberi jaminan akan memastikan keselamatan orang ramai terjamin sepanjang tempoh pilihan raya kecil pada 18 Julai ini.

"Saya diberi jaminan polis akan menjaga (keselamatan), hari ini kita lihat mereka menjaga dengan

baik, saya bersyukur, saya ucap terima kasih kepada pegawai dan kakitangan polis yang menunjukkan sikap yang cukup baik," katanya.

Beliau menambah, tindakan pihak polis menahan pihak tertentu bukanlah bermakna mereka memihak kepada kerajaan sebaliknya ia dilakukan demi keselamatan semua pihak.

"Bukan mereka memihak kepada kerajaan tetapi mereka menjaga keamanan, yang mengganas ialah parti lawan kalau ternampak mereka menyekat parti lawan sebabnya yang mengganas ialah parti lawan, kerajaan BN tak ada (mengganas)," katanya.